CUKAI JUALAN 2018

PANDUAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL B PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya

29 Disember 2023

Penerbitan

Tarikh: 29 Disember 2023

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN 1

2. TERMINOLOGI 1

3. PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL B 2

4. ALAT BANTUAN PENGILANGAN *(MANUFACTURING AIDS)* DAN PERALATAN *CLEANROOM* 4

5. MASA PENGECUALIAN BERKUATKUASA 5

6. PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN 5

7. TEMPOH SAH LAKU SIJIL PENGECUALIAN 6

8. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DIBERI PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B 6

9. CUKAI JUALAN MENJADI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR 7

10. KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN 7

11. KES SIVIL ATAU PENGGULUNGAN SYARIKAT 8

12. SOALAN LAZIM 9

1. PENGENALAN

1.1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengilang memahami pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.

1.2. Pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B diberikan kepada mana-mana pengilang bagi pengimportan, pembelian atau pengangkutan ke atas semua barang kecuali petroleum untuk digunakan dalam pengilangan barang kawalan bekalan dan kawalan harga, produk farmaseutikal dan produk susu.

1.3. Selain itu, Jadual B juga membolehkan pengilang yang mengilang barang yang dikecualikan cukai jualan bagi tujuan eksport untuk membeli bahan mentah, komponen, *manufacturing aids,* peralatan *cleanroom* dan bahan pembungkus dan pembungkusan dikecualikan daripada cukai jualan.

2. TERMINOLOGI

2.1. "Alat bantuan pengilangan *(manufacturing aids)"* merujuk kepada barang yang digunakan dalam proses pengilangan untuk mempercepat, menambah baik, melengkapi atau menyiapkan proses pengeluaran barang siap, namun ia tidak menjadi sebahagian daripada barang siap.

2.2. "Bahan mentah dan komponen" merujuk kepada bahan mentah dan komponen yang digunakan secara langsung dalam proses pengilangan dan akan menjadi sebahagian daripada keluaran barang siap.

2.3. "Bahan pembungkus dan pembungkusan" merujuk kepada bahan yang digunakan untuk mengisi atau membungkus barang siap yang dikilangkan seperti kotak, karton, bekas dan pembalut. Ini termasuk:

(i) Bahan yang digunakan untuk memampatkan bahan yang dibungkus ke dalam kotak atau bekas seperti jalur kertas, straw dan busa plastik.

(ii) Label untuk pengenalan barang siap yang dilekatkan di atas botol, tin atau kotak.

2.4. "Borang SST-ADM" merujuk kepada borang pengisytiharan cukai atau apa-apa amaun sebagai cukai atau apa-apa wang yang dikehendaki dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

2.5. *"Cleanroom"* adalah sebuah fasiliti di dalam kilang yang terkawal di mana bahan pencemar seperti habuk, *aerosol particles, airborne microbes* dan wap-wap kimia adalah dikurangkan ke tahap minimum.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

2.6. "Gudang Berlesen" merujuk kepada apa-apa gudang atau tempat yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967.

2.7. "Gudang Pengilangan Berlesen" merujuk kepada suatu gudang berlesen yang berkenaan dengannya suatu lesen tambahan untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan telah diberikan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967.

2.8. "Ketua Pengarah" merujuk kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967.

2.9. "Laporan CJ(P) Jadual B-01" merujuk kepada Laporan Pengimportan, Pembelian atau Pengangkutan dan Penggunaan Barang-Barang yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan di bawah Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

2.10. "Laporan CJ(P) Jadual B-02" merujuk kepada Laporan Pengeksportan Barang Siap yang Dikilangkan oleh Pengilang yang Menggunakan Pengecualian di bawah Butiran 4, Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

2.11. "Mengilang" bermaksud berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan- bahan itu dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan. Berhubung dengan petroleum, mengilang ialah proses penapisan termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.

2.12. "Zon Bebas" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Zon Bebas 1990.

3. PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL B

3.1. Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 memberikan pengecualian cukai jualan ke atas barang-barang seperti berikut:

3.1.1. Butiran 1

(i) Pengecualian ke atas semua barang tidak termasuk petroleum semata-mata untuk digunakan dalam pengilangan barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan tertakluk kepada kawalan harga.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

(ii) Senarai barang-barang kawalan yang dikawal di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan di bawah kawalan harga adalah seperti di Jadual 1.

Bil.	Barang Kawalan	Jenis Kawalan Harga
1	Gas petroleum cecair	Silinder 10 kg Silinder 12 kg Silinder 14 kg
2	Gula pasir putih	Bertapis kasar Bertapis halus
3	Topeng muka (pembedahan/ perubatan)	1 ply (ear loop) 100 keping sekotak 2 ply (ear loop) 100 keping sekotak 3 ply (ear loop) 50 keping sekotak N95, 20 keping sekotak
4	Petrol	RON95 RON97
5	Diesel	Euro 2 Euro 5
6	Minyak masak	berat 1kg yang dibungkus di dalam *polybag* sahaja
7	Tepung gandum	

3.1.2. Butiran 2

Semua barang tidak termasuk petroleum untuk digunakan semata-mata dalam pengilangan produk farmaseutikal di bawah Bab 30 Perintah Duti Kastam 2022.

3.1.3. Butiran 3

Semua barang tidak termasuk petroleum untuk digunakan semata-mata dalam pengilangan produk susu di bawah kepala atau subkepala 04.01, 04.02, 0403.20.19 00, 0403.20.99 00, 0403.90.10 00, 0403.90.90 00, 04.04, 1901.10.20 00, 1901.90.31 00, 1901.90.32 00, 1901.90.39 00 dan 2202.99.10 00 di bawah Perintah Duti Kastam 2022.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3.1.4. Butiran 4

Bahan mentah, komponen, *manufacturing aids,* peralatan *cleanroom* dan, bahan pembungkus dan pembungkusan, tidak termasuk petroleum semata-mata untuk kegunaan dalam pengilangan barang yang dikecualikan daripada cukai jualan bagi tujuan eksport.

3.2. Mana-mana pengilang yang diluluskan pengecualian di bawah Jadual B dikehendaki mematuhi syarat-syarat butiran yang ditetapkan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 seperti di ***Lampiran 1.***

3.3. Syarat-syarat lain yang harus dipatuhi oleh pengilang adalah seperti berikut:

(i) Apa-apa barang yang diberikan pengecualian hendaklah tidak dilupuskan, dijual, dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat bahawa bayaran cukai telah dibuat.

(ii) Mana-mana orang yang diberikan pengecualian hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport atau dibeli.

(iii) Mana-mana pengilang berdaftar yang dikecualikan daripada mengenakan dan memungut cukai jualan hendaklah menyimpan rekod atau mengakaunkan barang yang dikecualikan yang telah dijual atau dilupuskan kepada mana-mana orang yang diberi pengecualian.

(iv) Rekod atau akaun itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa.

4. ALAT BANTUAN PENGILANGAN *(MANUFACTURING AIDS)* DAN PERALATAN *CLEANROOM*

4.1. Pengecualian ke atas alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids)* dan peralatan *cleanroom* adalah seperti yang ditetapkan dalam Ketetapan Umum bil. 2/2024 — Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids)* dan Peralatan *Cleanroom.* Maklumat lanjut berhubung dengan alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids)* dan peralatan *cleanroom* boleh di rujuk dalam Portal MySST.

4.2. Sekiranya alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids)* dan peralatan *cleanroom* tidak disenaraikan dalam Ketetapan Umum bil. 2/2024, pengilang mesti mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah sebelum memohon sijil pengecualian cukai jualan.

4.3. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian CDN, Ibu Pejabat dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:

(i) Surat permohonan syarikat;

(ii) Format senarai alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids)* seperti di ***Lampiran 2***;

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

(iii) Format senarai peralatan *cleanroom* seperti di ***Lampiran 3***.

4.4. Keputusan permohonan ke atas alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids)* dan peralatan *cleanroom* untuk dikecualikan daripada cukai jualan akan dimaklumkan oleh CDN, Ibu Pejabat kepada pemohon.

5. MASA PENGECUALIAN BERKUATKUASA

5.1. Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan mula berkuatkuasa pada masa:

(i) sijil itu dikemukakan kepada pegawai yang hak semasa pengimportan atau pengangkutan barang; atau

(ii) sijil itu dikemukakan kepada pengilang berdaftar semasa pembelian barang pengilangan tempatan.

5.2. Nombor kelulusan sijil pengecualian hendaklah dicatatkan pada:

(i) borang pengikraran import yang berkenaan semasa pengimportan atau pengangkutan; dan

(ii) invois barang bercukai yang dibeli daripada pengilang berdaftar.

6. PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

6.1. Permohonan sijil pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B boleh dibuat melalui portal MySST.

6.2. Tatacara permohonan sijil pengecualian di bawah Jadual B boleh dirujuk kepada manual pengecualian di: https://mysst.customs.gov.my/AboutExemption.

6.3. Permohonan sijil pengecualian hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum pengimportan, pembelian atau pengangkutan dilakukan.

6.4. Kuantiti barang bagi tujuan permohonan sijil pengecualian adalah mengikut keperluan pemohon.

6.5. Pemohon dibenarkan untuk membuat penambahan barang melalui sistem MySST selagi tarikh sah laku sijil pengecualian belum tamat.

6.6. Jika syarikat hendak membatalkan barang atau sijil pengecualian yang telah diluluskan, syarikat perlu mengemukakan permohonan bertulis menggunakan *letterhead* syarikat kepada Bahagian CDN yang mengawal beserta dengan borang permohonan seperti di ***Lampiran 4*** atau ***5.*** Borang permohonan boleh dimuat turun dari portal MySST https://mysst.customs.gov.my/SSTForms.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

6.7. Sijil pengecualian yang diberikan di bawah Jadual B tidak boleh dipindah milik.

7. TEMPOH SAH LAKU SIJIL PENGECUALIAN

7.1. Tempoh sah laku sijil pengecualian di bawah Jadual B adalah satu (1) tahun dari tarikh kuatkuasa sijil pengecualian tersebut.

7.2. Sekiranya sijil pengecualian sedia ada telah tamat tempoh sah lakunya, syarikat perlu membuat permohonan yang baharu (jika perlu).

8. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DIBERI PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B

8.1. Mana-mana orang yang diberi pengecualian di bawah Jadual B, perlu menyediakan laporan seperti dalam Jadual 2.

Laporan	Butiran	Tanggungjawab	Tempoh Pelaporan
Laporan CJ(P) Jadual B-01	1, 2, 3 dan 4	Pengilang	Setiap tiga (3) bulan dari tarikh sijil pengecualian berkuatkuasa
Laporan CJ(P) Jadual B-02	4	Pengilang	Setiap tiga (3) bulan dari tarikh sijil pengecualian berkuatkuasa

Jadual 2: **Laporan Yang Perlu Disediakan di bawah Jadual B**

8.2. Format laporan yang perlu disediakan adalah seperti di ***Lampiran 6*** dan boleh dimuat turun melalui Portal MySST https://mysst.customs.gov.my/SSTForms.

8.3. Laporan yang disediakan perlu ditandatangani oleh pegawai syarikat yang diberi kuasa dan tidak perlu dihantar kepada Bahagian CDN yang mengawal sebaliknya hendaklah disimpan oleh syarikat.

8.4. Walau bagaimanapun, syarikat hendaklah mengemukakan laporan tersebut pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh pegawai cukai jualan atau pegawai audit untuk tujuan semakan.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

9. CUKAI JUALAN MENJADI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR

9.1. Mana-mana orang yang diberi pengecualian di bawah Jadual B dan tidak mematuhi apa-apa syarat yang berhubungan dengan pengecualian, cukai jualan yang menjadi perkara kepada pengecualian itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh orang itu pada tarikh mana-mana syarat itu tidak dipatuhi.

9.2. Pembayaran cukai jualan yang menjadi genap masa boleh dibuat dalam borang SST-ADM beserta lampiran berikut:

(i) Borang Pengikraran Pelanggaran Syarat Pengecualian; atau

(ii) Penyata Pelupusan Barang-Barang Bercukai Yang Diperolehi Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

(Borang SST-ADM dan lampiran boleh dimuat turun dari portal MySST di https://mysst.customs.gov.my/SSTForms)

9.3. Dokumen seperti di para 9.2 hendaklah dikemukakan ke Bahagian CDN yang mengawal dan bayaran perlu dibuat dalam bentuk cek atau bank deraf atas nama Ketua Pengarah Kastam.

9.4. Sebarang pengisytiharan dan pembayaran yang dibuat di bawah SST-ADM, tidak akan menghalang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) daripada mengambil sebarang tindakan undang-undang sekiranya terdapat sebarang pelanggaran di bawah perundangan cukai jualan.

10. KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN

10.1. Mana-mana orang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B hendaklah melaporkan secara bertulis, sebarang kes kebakaran, bencana alam, kecurian dan kehilangan yang melibatkan barang siap yang dikilangkan dan barang yang diimport, dibeli atau diangkut dengan pengecualian selewat-lewatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh kejadian kepada Bahagian CDN yang mengawal. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

(i) Butir-butir barang;

(ii) Kuantiti;

(iii) Nilai barang; dan

(iv) Cukai jualan yang terlibat.

10.2. Surat tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen sokongan seperti berikut:

(i) Laporan siasatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat;

(ii) Laporan polis; atau

(iii) Laporan daripada syarikat insurans.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

11. KES SIVIL ATAU PENGGULUNGAN SYARIKAT

Mana-mana orang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah Jadual B hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Bahagian CDN yang mengawal dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas berlakunya salah satu daripada perkara berikut:

(i) Sesuatu ketetapan untuk penggulungan syarikat;

(ii) Sesuatu perintah dibuat untuk penggulungan syarikat;

(iii) Perlantikan pelikwidasi *(liquidator)* atau penerima *(receiver)* dibuat; dan

(iv) Syarikat terlibat dengan apa-apa kes tuntutan sivil, muflis, penutupan perniagaan dan sebagainya.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

12. SOALAN LAZIM

1. **S : Adakah pengilang perlu menyimpan rekod bagi barang yang dibeli dengan pengecualian cukai jualan?**

   J : Ya, pengilang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah jadual B hendaklah menyimpan rekod bagi barang yang dibeli dengan pengecualian untuk tujuan verifikasi dan audit oleh JKDM.

2. **S : Adakah perlu memasukkan nombor sijil pengecualian pelanggan dalam invois jualan pengilang berdaftar?**

   J : Ya, pengilang mesti memasukkan nombor sijil pengecualian pelanggan dalam invois jualan.

3. **S : Berapa lama saya perlu menyimpan rekod dan akaun yang berkaitan dengan pembelian barang menggunakan pengecualian?**

   J : Pengilang dikehendaki menyimpan rekod dan akaun pembelian barang yang menggunakan pengecualian untuk tempoh tujuh (7) tahun.

4. **S : Adakah saya layak menggunakan pengecualian sebelum tarikh berkuat kuasa sijil pengecualian?**

   J : Tidak layak menggunakan pengecualian sebelum tarikh kuat kuasa sijil pengecualian.

5. **S : Bilakah permohonan sijil pengecualian cukai jualan ke atas alat bantuan pengilangan *(manufacturing aids)* dan peralatan *cleanroom* boleh dibuat?**

   J : Permohonan sijil pengecualian boleh dibuat bermula 1 Januari 2024.

6. **S : Bagaimanakah cara untuk memohon sijil pengecualian ke atas *manufacturing aids* atau peralatan *cleanroom*?**

   J : Permohonan boleh dibuat melalui sistem MySST dan prosedur permohonan adalah sama seperti barang lain di bawah jadual B.

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila hubungi:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Aras 5 & 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya
MALAYSIA.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web MySST: https://mysst.customs.gov.my

(ii) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email : ccc@customs.gov.my

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

JADUAL B/*SCHEDULE B*

(1) *Item No.*	*(2)* *Persons*	*(3)* *Goods Exempted*	*(4)* *Conditions*	*(5)* *Certificate to be Signed by*
1	Any manufacturer approved by the Director General	All goods excluding petroleum solely for use in the manufacture of controlled articles (goods) under the Control of Supplies Act 1961 [*Act 122*] and subject to price control	(a) That the goods are imported or purchased from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990; (b) that the goods shall be used solely for the manufacture of controlled articles (goods) under the Control of Supplies Act 1961 [*Act 122*] and subject to price control; (c) that the person approved shall pay the sales tax on any goods in column (3) that cannot be accounted for; (d) any other conditions as the Director General deems fit to impose.	The manufacturer in column (2)

(1) *Item No.*	(2) *Persons*	(3) *Goods Exempted*	(4) *Conditions*	(5) *Certificate to be Signed by*
2	Any manufacturer approved by the Director General	All goods excluding petroleum solely for use in the manufacture of pharmaceutical products falling under Chapter 30 of the prevailing Customs Duties Order	(a) That the goods are imported, or purchased from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990; (b) that the goods shall be used solely for the manufacture of pharmaceutical products falling under Chapter 30 of the prevailing Customs Duties; (c) that the person approved shall pay the sales tax on any goods in column (3) that cannot be accounted for; (d) any other conditions as the Director General deems fit to impose.	The manufacturer in column (2)

(1) *Item No.*	*(2)* *Persons*	*(3)* *Goods Exempted*	*(4)* *Conditions*	*(5)* *Certificate to be Signed by*
3.	Any manufacturer approved by the Director General	All goods excluding petroleum solely for use in the manufacture of milk products falling under headings or subheadings 04.01, 04.02, 0403.20.19 00, 0403.20.99 00, 0403.90.10 00, 0403.90.90 00, 04.04, 1901.10.20 00, 1901.90.31 00, 1901.90.32 00, 1901.90.39 00 and 2202.99.10 00 of the prevailing Customs Duties Order	*(a)* That the goods are imported, or purchased from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990; *(b)* that the goods shall be used directly and solely for the manufacture of milk products falling under headings or subheadings 04.01, 04.02, 0403.20.19 00, 0403.20.99 00, 0403.90.10 00, 0403.90.90 00, 04.04, 1901.10.20 00, 1901.90.31 00, 1901.90.32 00, 1901.90.39 00 and 2202.99.10 of the prevailing Customs Duties Order; *(c)* any other conditions as the Director General may deem fit to impose.	The manufacturer in column (2)

(1) Item No.	(2) Persons	(3) Goods Exempted	(4) Conditions	(5) Certificate to be Signed by
4	Any manufacturer approved by the Director General	Raw materials, components, manufacturing aids, cleanroom equipments and, packing and packaging materials, excluding petroleum solely for use in the manufacture of exempted goods for export	(a) That the goods are imported or purchased from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990; *(aa)* in the case of manufacturing aids and cleanroom equipment, the goods as may be specified by the Director General; (b) That the goods in column (3) are used solely for the manufacture of exempted goods; *(ba)* that the produced exempted goods shall be exported within twelve months from the date of import or purchase from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990, or such further period as approved by the Director General; (c) that the goods in column (3) and the produced exempted goods thereof shall not be sold or otherwise	The manufacturer in column (2)

(1) Item No.	(2) Persons	(3) Goods Exempted	(4) Conditions	(5) Certificate to be Signed by
			disposed of in Malaysia except as approved by the Director General and upon payment of the appropriate amount of tax; *(d)* that the person approved shall pay the sales tax on any goods in column (3) that cannot be accounted for; (f) that if the goods in column (3) are not used and the produced exempted goods thereof are not exported within twelve months from the date of import or purchase from a registered manufacturer or transported from a licensed warehouse under section 65 of the Customs Act 1967, a licensed manufacturing warehouse under section 65A of the Customs Act 1967 or a free zone established under the Free Zone Act 1990 or such further period as approved by the Director General, the manufacturer in column (2) shall be liable to pay the sales tax; (g) any other conditions as the Director General deem fit to impose.	

Lampiran 2

PERMOHONAN SENARAI ALAT BANTUAN PENGILANGAN *(MANUFACTURING AIDS)* DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

NAMA SYARIKAT :

NO PENDAFTARAN SST :

JADUAL/ BUTIRAN :

ALAMAT :

MAKLUMAT ALAT BANTUAN PENGILANGAN (*MANUFACTURING AIDS*):

NO.	NAMA BARANG	DESKRIPSI BARANG	KOD TARIF	FUNGSI BARANG	TEMPAT DIGUNAKAN DALAM PROSES PENGILANGAN	GAMBAR BARANG

TANDANGAN :
NAMA PEMOHON :
JAWATAN :
TARIKH :
COP RASMI SYARIKAT :

PERMOHONAN SENARAI PERALATAN *CLEANROOM* DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

NAMA SYARIKAT :

NO PENDAFTARAN SST :

JADUAL/ BUTIRAN :

ALAMAT :

MAKLUMAT PERALATAN *CLEANROOM*:

NO.	NAMA BARANG	DESKRIPSI BARANG	KOD TARIF	FUNGSI BARANG	TEMPAT DIGUNAKAN DALAM PROSES PENGILANGAN	GAMBAR BARANG

TANDANGAN :
NAMA PEMOHON :
JAWATAN :
TARIKH :
COP RASMI SYARIKAT :

BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN SIJIL PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Nama Syarikat :

No Pendaftaran SST/ *Non-Registrant No* :

Alamat :

No Telefon :

Alamat emel :

Maklumat sijil yang dipohon pembatalan

NO.	JADUAL	BUTIRAN	NO. SIJIL PENGECUALIAN	SEBAB PEMBATALAN

Tandatangan : .....

Nama Pemohon : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi Syarikat : .....

SURAT PERAKUAN

Saya .....no. kad pengenalan ..... wakil syarikat ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya,

** (a) belum pernah menggunakan pengecualian cukai jualan bernombor (senaraikan nombor sijil pengecualian)

** (b) telah menggunakan pengecualian cukai jualan bernombor (senaraikan nombor sijil pengecualian)

2. Semua maklumat yang telah diberikan dalam borang permohonan pembatalan sijil pengecualian di bawah Jadual B dan C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 adalah benar dan jika sekiranya di dapati sebarang keterangan yang diberikan adalah palsu maka saya boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 87 Akta Cukai Jualan 2018.

.....

(Tandatangan pemohon)

** Potong mana yang tidak berkenaan

PERMOHONAN PEMBATALAN (*DELETE*) ITEM / BARANG BAGI SIJIL PENGECUALIAN DI BAWAH JADUAL B DAN C PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

NAMA SYARIKAT :

NO PENDAFTARAN SST :

NO SIJIL PENGECUALIAN :

JADUAL/ BUTIRAN :

ALAMAT :

MAKLUMAT ITEM / BARANG YANG PERLU DI DIBATALKAN (*DELETE*):

NO.	TEMPATAN/ IMPORT	BAHAN MENTAH/ KOMPONEN/ *MANUFACTURING AIDS*/ PERALATAN *CLEANROOM*/ BAHAN PEMBUNGKUS DAN PEMBUNGKUSAN (SILA NYATAKAN)	KOD TARIF	PERIHAL BARANG	NAMA PEMBEKAL	NO. SST PEMBEKAL

SEBAB UNTUK BATAL/ *DELETE ITEM/ BARANG* **:**

.....

.....

.....

.....

.....

.....

TANDANGAN :

NAMA PEMOHON :

JAWATAN :

TARIKH :

COP RASMI SYARIKAT :

Lampiran 6

LAPORAN CJ(P) JADUAL B-01

LAPORAN PENGIMPORTAN/ PEMBELIAN / PENGANGKUTAN DAN PENGGUNAAN BARANG-BARANG YANG DIBERI PENGECUALIAN CUKAI DI BAWAH JADUAL B, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Nama Syarikat :		Alamat Syarikat :	
Butiran Pengecualian :			
No. Sijil Pengecualian :			
Tarikh Sijil :			

Bil.	Perihal Barang	Nama Pembekal	Stok Permulaan pada		Pembelian Tempatan			Pengimportan/Pengangkutan			Digunakan dalam Pengilangan		Dilepaskan/ Dijual/ Digunakan Secara Lain		Baki Akhir Pada.....	
			Kuantiti	Nilai (RM)	Tarikh/ No. Invois	Kuantiti	Nilai (RM)	Tarikh / No. Invois/ No. K1	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
JUMLAH																

** Saya akui butir-butir maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah betul dan benar.*

Tandatangan : .....

Nama penuh : .....

Jawatan : .....

Cop Syarikat : .....

LAPORAN PENJUALAN/ PENGEKSPORTAN BARANG SIAP YANG DIKILANGKAN OLEH PENGILANG YANG MENGGUNAKAN PENGECUALIAN DI BAWAH BUTIRAN 4, JADUAL B, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Nama Syarikat :		Alamat Syarikat :	
Butiran Pengecualian :			
No. Sijil Pengecualian :			
Tarikh Sijil :			

Bil.	Perihal Barang	Nama Pelanggan	Baki Awal Barang Siap Pada	Kuantiti Barang Siap Yang Dikilangkan	Eksport			Jual Tempatan			Dilepaskan/ dijual atau digunakan secara lain		Baki Akhir Barang Siap Pada .....
			Kuantiti		Tarikh & No. Invois, No. K2	Kuantiti	Nilai (RM)	Tarikh & No. Invois	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti
JUMLAH													

** Saya akui butir-butir maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah betul dan benar.*

Tandatangan : .....

Nama penuh : .....

Jawatan : .....

Cop Syarikat : .....